

## Tingkat profesionalisme Perancang Hayat

**Kuala Lumpur:** AIA Bhd, berhasrat mengubah landscape perekrutan dan pengambilan tenaga agensi insurans menerusi pelancaran AIA Elite Academy.

Program yang pertama seumpamanya dalam industri itu dapat membantu meningkatkan profesionalisme Perancang Hayat (ejen) baharu dengan melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan ilmu yang sewajarnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Anusha Thavarajah berkata, AIA Elite Academy mengalukan Perancang Hayat baharu yang bukan saja bersemangat untuk menjadi yang terbaik dalam profesion ini tetapi turut juga berkongsi misi yang sama dengan AIA untuk membantu masyarakat.

“Program seperti ini memacu potensi calon ke arah mencapai kerjaya sebagai Perancang Hayat yang berjaya, stabil serta memper-



**ANUSHA** (dua dari kiri) pada pelancaran AIA Elite Academy.

oleh ganjaran bermakna.

“AIA Elite Academy mengukuhkan lagi komitmen syarikat dalam membangunkan generasi Perancang Hayat baharu yang profesional.

“Ia juga satu pelaburan jangka panjang AIA dalam membangunkan tenaga

agensinya,” katanya.

Program selama 18 bulan itu memberi pengkhususan kepada latihan yang memfokus terhadap pengetahuan kewangan dan pemasaran media sosial.

“AIA Elite Academy menyediakan program kemasukan eksklusif yang hanya di-

tawarkan kepada Perancang Hayat baharu yang layak.

“Silibus pembelajaran yang disediakan memberi latihan terbaik di kalangan komuniti yang dapat memupuk semangat kerjasama, sikap profesionalisme yang tinggi dan kesejahteraan hidup,” katanya.